





# chairman's statement

PENYATA PENGERUSI

On behalf of the Board of Directors of MNRB Holdings Berhad (“MNRB”), I am pleased to present to the Shareholders, the Annual Report and audited Financial Statements of the Group and the Company for the financial year ended 31 March, 2005.

*Saya bagi pihak Lembaga Pengarah MNRB Holdings Berhad (“MNRB”) dengan sukacitanya membentangkan kepada para Pemegang Saham sekalian, Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac, 2005.*

## FINANCIAL PERFORMANCE

I am indeed proud to report that despite the challenging operating environment, MNRB Group had once again managed to achieve a record profit after tax of RM90.0 million, as compared to the historical high of RM88.6 million in the previous year. Earnings per share increased slightly to 46 sen per share, as compared to 45 sen per share in the previous year.



The corresponding profit before tax of MNRB Group for the financial year amounts to RM122.5 million as compared to a profit before tax of RM123.8 million achieved in the previous year.

At the Company level, profit after tax increased to RM91.9 million, again another record high for the Company. This was achieved on the back of an increased gross premium of RM640 million or an equivalent growth rate of 2.4%, which is slightly better than the increase in the market gross premium as reported under the PIAM's Statistical Bulletin. Per the said report, the general insurance industry registered a slower premium growth of 1.9%. The overall net claims incurred ratio of the Company meanwhile recorded an improvement from 56.9% in the corresponding period last year to 56.5% this year.

The gross contribution from Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. ("Takaful Ikhlas"), a wholly-owned subsidiary of the Company, improved significantly to RM67 million as compared to that of RM6 million in the previous year. As expected however, Takaful Ikhlas recorded a net loss of RM13.0 million for the current year, which is in line with the Company's continued investment into branding, information technology infrastructure, agency and staff development. The Board believes these investments would help build a strong foundation for Takaful Ikhlas and set the company on the right track towards the goal of establishing itself as the premier takaful provider in the country.

## PRESTASI KEWANGAN

Saya amat berbesar hati untuk melaporkan bahawa walaupun berhadapan dengan persekitaran operasi yang mencabar, namun Kumpulan MNRB mampu mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi kerana berjaya mencapai keuntungan selepas cukai yang mencatat rekod sebanyak RM90.0 juta, berbanding RM88.6 juta pada tahun sebelumnya. Pendapatan sesaham meningkat kepada 46 sen sesaham berbanding 45 sen sesaham yang dicapai pada tahun sebelumnya.

Kumpulan MNRB mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM122.5 juta pada tahun kewangan ini berbanding RM123.8 juta yang dicapai pada tahun sebelumnya.

Di peringkat Syarikat, keuntungan selepas cukai yang meningkat kepada RM91.9 juta merupakan satu lagi pencapaian mencatat rekod bagi Syarikat. Ia berjaya diperolehi berikutan peningkatan premium kasar sebanyak RM640 juta atau bersamaan kadar pertumbuhan sebanyak 2.4%. Prestasi ini adalah lebih baik sedikit berbanding peningkatan premium kasar di pasaran, seperti yang dilaporkan dalam Buletin Statistik PIAM. Menurut laporan ini, industri insurans am mencatatkan pertumbuhan premium yang lebih lembab iaitu sebanyak 1.9%. Nisbah tuntutan bersih keseluruhan yang ditanggung pula telah bertambah baik, daripada 56.9% pada tempoh yang sama tahun sebelumnya kepada 56.5% pada tahun ini.

Sumbangan kasar daripada Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. ("Takaful Ikhlas"), sebuah anak syarikat milik penuh Syarikat, telah mengalami peningkatan yang memberangsangkan sebanyak RM67 juta berbanding RM6 juta pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, seperti yang dijangkakan, Takaful Ikhlas mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM13.0 juta bagi tahun semasa berikutan pelaburan berterusan yang disalurkan oleh Syarikat untuk tujuan penjenamaan, infrastruktur teknologi maklumat, agensi dan pembangunan kakitangan. Lembaga Pengarah berkeyakinan sepenuhnya bahawa pelaburan tersebut adalah perlu untuk membantu membina asas yang kukuh bagi Takaful Ikhlas dan meletakkan syarikat tersebut di landasan yang sesuai ke arah pencapaian matlamat untuk membina dirinya sebagai sebuah penyedia takaful bertaraf perdana di negara ini.

In summary, I am extremely delighted to inform shareholders that the Group had achieved record profits for the second straight year running.

## DIVIDENDS

Creating shareholders' value is a core philosophy of our Company, which we have amply demonstrated in the past years. The Company's dividend track record has remained solid for the past 28 years. This fact was reiterated last year with the highest dividend payout to shareholders at 30% per share.

As you are aware, the Company had already paid a first interim dividend of 10%, comprising 6% less 28% tax and 4% tax-exempt (2004: 10%, comprising 6% less 28% tax and 4% tax-exempt) on 23 December, 2004. The Company had further paid a second interim dividend of 10%, comprising 6% less 28% tax and 4% tax-exempt (2004: 10%, comprising 6% less 28% tax and 4% tax-exempt) on 30 March, 2005.

I am very pleased to once again announce that your Directors are now recommending a final dividend of 10%, comprising 6% less 28% tax and 4% tax-exempt (2004: 10%, comprising 6% less 28% tax and 4% tax-exempt) for approval at the forthcoming Annual General Meeting on 28 July, 2005. With this final dividend, the total dividend payout would once again match the total dividend quantum of the previous year.

With the proposed final dividend, the Company's aggregate dividend declaration of 30% would provide a gross and net dividend yield of approximately 10% and 8% respectively based on the previous year's average market price. This, the Board believes, would certainly place the Company as one of the superior dividend paying counter on Malaysian Stock Exchange. This certainly augurs well for current and prospective investors looking for a counter that consistently provides excellent returns.

Secara ringkas, saya berasa amat gembira untuk memaklumkan kepada para pemegang saham bahawa Kumpulan telah berjaya mencapai keuntungan mencatat rekod bagi tahun kedua berturut-turut.


## DIVIDEN

Falsafah utama Syarikat kita memberi penekanan berterusan untuk menerbitkan nilai pemegang saham. Bagi memenuhi matlamat tersebut, kita telah berusaha gigih secara berterusan untuk membina nilai seperti yang terbukti melalui rekod sejarah pembayaran dividen yang teguh sejak 28 tahun lepas. Hakikat ini telah ditegaskan sekali lagi pada tahun lepas apabila kita melaksanakan pembayaran dividen paling tinggi pernah dibayar kepada para pemegang saham iaitu sebanyak 30% sesaham.

Seperti yang anda sekalian sedia maklum, Syarikat telah membayar dividen interim pertama sebanyak 10%, meliputi 6% ditolak 28% cukai dan 4% dikecualikan cukai (2004: 10%, meliputi 6% ditolak 28% cukai dan 4% dikecualikan cukai) pada 23 Disember, 2004. Syarikat telah membayar dividen interim kedua sebanyak 10%, meliputi 6% ditolak 28% cukai dan 4% dikecualikan cukai (2004: 10%, meliputi 6% ditolak 28% cukai dan 4% dikecualikan cukai) pada 30 Mac, 2005.

Saya berasa sukacita untuk memaklumkan sekali lagi bahawa kini, para Pengarah anda mengisytiharkan dividen akhir sebanyak 10%, meliputi 6% ditolak 28% cukai dan 4% dikecualikan cukai (2004: 10%, meliputi 6% ditolak 28% cukai dan 4% dikecualikan cukai) untuk diluluskan di Mesyuarat Agung Tahunan akan datang yang akan diadakan pada 28 Julai, 2005. Dengan dividen akhir ini, jumlah pembayaran dividen akan sekali lagi sepadan dengan kuantum jumlah dividen yang dibayar pada tahun sebelumnya.

Dengan cadangan dividen akhir ini juga, dividen agregat Syarikat yang diisytihar sebanyak 30% akan menyediakan hasil dividen kasar sebanyak lebih kurang 10% dan hasil dividen bersih sebanyak 8% berasaskan kepada harga pasaran purata tahun sebelumnya. Lembaga Pengarah percaya hasil dividen ini pasti akan meletakkan Syarikat sebagai salah sebuah kaunter pembayar dividen yang terunggul di Bursa Saham Malaysia. Ini juga pasti akan memanfaatkan para pelabur semasa dan pelabur prospek yang ingin mencari sebuah kaunter yang menyediakan pulangan cemerlang secara konsisten.



## THE MALAYSIAN ECONOMY AND DEVELOPMENTS

The year 2004 has turned out to be a remarkable year for Malaysia on several dimensions. The Malaysian economy was supported by strong economic growth with focus on the development of new strategies for the country. Government policies continue to support the development in the financial services sector. Market sentiment was encouraged by positive developments in the political environment, notably the government's election victory in March, which investors read as a strong popular mandate for the pursuit of wide-ranging socioeconomic and structural reforms, as well the announcement of new management of government-linked companies (GLCs). The articulation of plans to improve the corporate structures and internal processes of GLCs gave a further boost to the general sentiment. This has also been reflected in the upgrade of Malaysia's sovereign rating to A-/A3 by Fitch Ratings on 24 November, 2004 and the healthy performance of Bursa Malaysia.

From the operating stand point, the year under review was certainly a challenging one for the reinsurance industry and the insurance industry as a whole. The infamous 26 December, 2004 Tsunami has wrecked the livelihood of so many people from Aceh to Sri Lanka while taking a staggering toll of lives. International concerns with respect to the moderation in the global economy, the slowdown in the United States and China, the escalating oil prices during the second half of the financial year and the continuing political instability in the Middle East are some of the challenges faced by the global economy in 2004.


Certainly, the year 2004 will be one of the most memorable periods for the Group since its listing to the Main Board of KLSE (now Bursa Malaysia) on 20 November, 1996.

## EKONOMI MALAYSIA DAN PERTUMBUHANNYA

Ada beberapa sebab yang meletakkan tahun 2004 sebagai satu tahun yang memberangsangkan bagi Malaysia. Ekonomi Malaysia disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang teguh dengan fokus yang ditumpukan untuk membangunkan pelbagai strategi baru untuk memajukan negara. Pelbagai dasar kerajaan yang sedia ada menyokong pembangunan selanjutnya dalam sektor perkhidmatan kewangan. Sentimen pasaran telah didorong oleh perkembangan politik yang positif, yang ketara sekali ialah kemenangan yang dicapai oleh kerajaan dalam pilihanraya bulan Mac yang dibaca oleh para pelabur sebagai kekuatan mandat popular yang membolehkan langkah pembaharuan sosio ekonomi dan struktur secara meluas serta pengumuman pengurusan baru bagi syarikat-syarikat yang ada kaitan dengan kerajaan (GLC). Kemantapan rancangan untuk mempertingkatkan struktur korporat dan proses dalaman GLC memberikan semangat yang kukuh kepada sentimen umum di pasaran. Ini jelas terbukti melalui kenaikan penarafan sovereign Malaysia ke A-/A3 oleh Fitch Ratings pada 24 November, 2004 serta prestasi memuaskan yang ditampilkan oleh Bursa Malaysia.

Dari segi operasi, tahun yang ditinjau merupakan satu tahun yang mencabar bagi industri insurans secara keseluruhan dan industri reinsurans secara khusus. Tragedi Tsunami pada 26 Disember, 2004 yang memusnahkan kehidupan ramai penduduk, dari Aceh hingga ke Sri Lanka, telah mengorbankan banyak nyawa. Kebimbangan di peringkat antarabangsa terhadap ekonomi dunia yang mencatatkan pertumbuhan sederhana, kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan China, kenaikan harga minyak pada setengah tahun kedua tahun kewangan ini dan ketidakstabilan politik di Timur Tengah yang berterusan adalah antara cabaran yang dihadapi oleh ekonomi global pada tahun 2004.

Tahun 2004 akan sentiasa diingati sebagai salah satu tahun paling banyak meninggalkan kenangan kepada Kumpulan sejak ia disenaraikan di Papan Utama BSKL (sekarang Bursa Malaysia) pada 20 November, 1996.



But in spite of all these, the Malaysian economy still turned in a very respectable outcome. The Malaysian economy remained robust in 2004. The combination of a strong domestic demand and rising exports resulted in a GDP growth of 7.1% in 2004, the fastest growth since the year 2000 and 1.8 percentage points higher than the growth of 5.3% recorded in 2003.

A major development for the year was the announcement on the liberalisation measures allowing foreign brokers, fund managers and venture capitalists to set up operations in Malaysia. With these measures, investors will gain access to a wider range of capital market services and will benefit from the improvement in capital market products and services.

## THE GENERAL INSURANCE INDUSTRY

The Malaysian insurance industry posted another year of growth momentum in 2004, albeit a slower growth in the general sector following a second year of premium rate corrections after the significant rate increases in 2001 and 2002. The softening of premium rates has resulted in the growth of the general insurance industry being moderated in 2004 to 4.2 percent with a total of RM8,532.5 million in gross direct premiums written during the year. Operating results meanwhile improved as more disciplined underwriting resulted in positive results for the general sector.

The takaful industry similarly registered encouraging growth in the sale of investment-linked products. Family takaful business, however, remained highly concentrated in mortgage reducing term takaful business. The takaful industry managed to sustain its growth in 2004 at 10.8 percent and 13.5 percent in terms of aggregate contribution income and takaful funds asset respectively.

Walau bagaimanapun, ekonomi Malaysia masih menjana hasil yang memuaskan dan kekal rancak pada tahun 2004. Kombinasi permintaan domestik yang teguh dan peningkatan eksport telah membolehkan pencapaian pertumbuhan KDNK sebanyak 7.1% pada tahun 2004. Ia merupakan pertumbuhan paling pesat sejak tahun 2000 dan 1.8% titik lebih tinggi berbanding pertumbuhan sebanyak 5.3% pada tahun 2003.

Pengumuman tentang langkah liberalisasi yang membenarkan broker, pengurus dana dan pemodal teroka asing menubuhkan operasi di Malaysia merupakan satu perkembangan utama yang berlaku pada tahun ini. Dengan langkah ini, para pelabur akan mendapat akses kepada perkhidmatan pasaran modal yang lebih luas serta mendapat manfaat daripada peningkatan produk dan perkhidmatan pasaran modal.

## INDUSTRI INSURANS AM

Walaupun mencapai pertumbuhan yang perlahan dalam sektor am berikutan pembetulan kadar premium bagi tahun kedua selepas melalui peningkatan kadar yang ketara pada tahun 2001 dan 2002, namun industri insurans Malaysia masih mampu mencatatkan satu lagi tahun pertumbuhan pada tahun 2004. Kelembapan kadar premium telah menyebabkan industri insurans am mencapai pertumbuhan sederhana pada tahun 2004, iaitu kepada 4.2 peratus dengan pengunderaitan premium langsung kasar sebanyak RM8,532.5 juta pada tahun ini. Sementara itu, keputusan operasi pula bertambah baik kerana pengunderaitan yang lebih berdisiplin telah membolehkan pencapaian keputusan yang positif bagi sektor am.

Industri takaful juga mencatatkan pertumbuhan menggalakkan dalam penjualan produk berkaitan pelaburan. Walau bagaimanapun, perniagaan takaful keluarga kekal sangat tertumpu kepada perniagaan takaful terma gadai janji semakin berkurangan. Industri takaful mampu mengekalkan pertumbuhan pada tahun 2004 iaitu sebanyak 10.8 peratus dari segi pendapatan sumbangan agregat dan 13.5 peratus dari segi aset dana takaful.





## SIGNIFICANT MARKET DEVELOPMENTS

The Malaysian insurance sector continues with the consolidation exercise in line with the Bank Negara's merger call to boost local insurers' competitiveness through increases in economies of scale and improved corporate governance. This merger exercise had reduced the number of insurers to 42 by end-2004, from 52 at end-2001. The remaining companies included seven life insurers, nine composite insurers and 26 general insurers. In addition, there are four takaful Islamic insurers. At end-2004, there were also 106 companies with offshore operations, which are not affected by the merger programme.

In respect of developments relating to the prudential regulatory framework of the insurance industry, it is expected that Bank Negara Malaysia will soon release a risk-based capital framework for the industry. The framework will reinforce and build on concurrent measures being implemented by Bank Negara Malaysia to ensure sound financial management in the industry.

## CORPORATE RESTRUCTURING OF THE MNRB GROUP

The Company continues to pursue greater profitability and strengthening the foundation for its future viability. In this respect, I am pleased to inform shareholders that the Group had successfully completed its corporate restructuring exercise. The corporate restructuring exercise, which involves the transfer of the Reinsurance License, Reinsurance Business and Net Assets of MNRB as a going concern up to an equivalent amount of approximately RM400,000,000 (hereinafter referred to as "the Scheme of Transfer"), to our wholly-owned subsidiary, Malaysian Reinsurance Berhad ("Malaysian Re") had taken place with effect from 1 April, 2005. The High Court of Malaya had also earlier, on 6 January, 2005, confirmed the Scheme of Transfer.

## PERKEMBANGAN PENTING DI PASARAN

Sektor insurans di Malaysia melalui langkah penyatuan yang berterusan sejajar dengan seruan Bank Negara Malaysia supaya ia bergabung untuk membantu mempertingkatkan daya saing syarikat insurans tempatan melalui peningkatan skel dan urus tadbir korporat yang bertambah baik. Langkah pergabungan ini telah menyebabkan bilangan syarikat insurans berkurangan kepada 42 menjelang akhir 2004, berbanding 52 pada akhir tahun 2001. Syarikat selebihnya termasuk tujuh syarikat insurans hayat, sembilan syarikat insurans komposit dan 26 syarikat insurans am. Di samping itu, terdapat empat syarikat insurans takaful Islam yang sedang beroperasi. Pada akhir tahun 2004, 106 buah syarikat yang beroperasi di luar pesisir tidak terjejas dengan program pergabungan ini.

Berhubung pembangunan berkaitan rangka kerja peraturan berhemat yang wujud dalam industri insurans, tidak lama lagi, Bank Negara Malaysia dijangka akan mengeluarkan rangka kerja modal berasaskan risiko khusus untuk industri ini. Rangka kerja ini akan diperkukuh dan dibina berdasarkan langkah-langkah semasa yang sedang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia untuk memastikan supaya industri ini mampu mencapai pengurusan kewangan yang memuaskan.

## PENYUSUNAN SEMULA KORPORAT KUMPULAN MNRB

Syarikat akan terus berusaha gigih untuk mencapai tahap keuntungan yang lebih besar serta mengukuhkan lagi asas kami bagi memastikan supaya kami mencapai tahap yang mampan untuk jangkamasa panjang. Sehubungan itu, saya berasa sukacita untuk memaklumkan kepada para pemegang saham bahawa Kumpulan berjaya menyelesaikan langkah penyusunan semula korporat. Langkah penyusunan semula korporat yang melibatkan pemindahan lesen Reinsurans, Perniagaan Reinsurans dan Aset Bersih MNRB sebagai sebuah entiti yang berterusan sehingga mencapai jumlah bersamaan RM400,000,000 (selepas ini dirujuk sebagai "Skim Pemindahan"), kepada anak syarikat milik penuh kami, Malaysian Reinsurance Berhad ("Malaysian Re") telah berlangsung mulai 1 April, 2005. Mahkamah Tinggi Malaya juga telah mengesahkan Skim Pemindahan ini pada 6 Januari, 2005.

Consequently on 31 March, 2005, the name of the Company was changed from Malaysian National Reinsurance Berhad to MNRB Holdings Berhad to reflect the Company's new identity and principal activity. The Company would now assume its new role as an investment holding company with Malaysian Re and Takaful Ikhlas Sdn Bhd as its wholly-owned subsidiaries. The listing status of the Group will continue to be under MNRB.

It is envisaged that under the new structure, different companies in the MNRB Group would be able to better focus on their core activities and this would allow flexibility for future expansion, both locally and regionally. The Board believes that with the completion of the corporate restructuring, MNRB Group is better positioned for future expansion and diversification into other businesses to broaden its income base and further strengthen its financial position.

#### RELATED EVENTS AND ACTIVITIES

I am also pleased to note that subsequent to the end of the financial year, the staff continued to show their confidence in the Company by exercising their option under the ESOS and up to end of May, 2005, an additional of 1,399,000 ordinary shares of RM1 each were issued. In this regard, the issued and paid up share capital of the Company increased from RM195,934,500 as at 31 March, 2004 to RM204,278,500 as at 31 May, 2005.

In addition, I am also delighted to inform that Takaful Ikhlas has continued progressively to recruit more than 3,330 agents and issued more than 40,000 policies. The Product Working Committee of Takaful Ikhlas has developed and introduced more than 25 products and plans to launch many more products in the coming years. Indeed, the Company is gearing up to the new challenges of this business with confidence and enthusiasm.

Seterusnya, pada 30 Mac, 2005, nama Syarikat telah ditukar daripada Malaysian National Reinsurance Berhad kepada MNRB Holdings Berhad untuk menggambarkan identiti dan aktiviti utama baru Syarikat. Kini, Syarikat akan menjalankan peranan baru sebagai sebuah syarikat induk pelaburan dengan Malaysian Re dan Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. sebagai anak syarikat milik penuh. Status senarai awam Kumpulan akan terus berada di bawah MNRB.

Di bawah struktur baru ini, syarikat yang berbeza dalam Kumpulan MNRB dijangka akan dapat memberikan fokus yang lebih mantap ke atas aktiviti utama masing-masing. Ini sebaliknya akan membolehkan fleksibiliti bagi memudahkan pengembangannya pada masa depan, baik di dalam mahupun di luar negara. Lembaga Pengarah percaya bahawa dengan penyelesaian penyusunan semula korporat ini, kini Kumpulan MNRB berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk mencapai pengembangan dan mempelbagaian ke dalam beberapa perniagaan lain untuk meluaskan lagi asas pendapatan serta mengukuhkan lagi kedudukan kewangannya pada masa depan.


#### PERISTIWA DAN AKTIVITI BERKAITAN

Saya juga berasa sukacita untuk memaklumkan bahawa selepas akhir tahun kewangan ini, kakitangan tetap menunjukkan keyakinan mereka terhadap Syarikat dengan melaksanakan opsyen mereka di bawah ESOS. Sehingga akhir Mei 2005, sebanyak 1,399,000 saham biasa tambahan bernilai RM1 sesaham telah diterbitkan. Justeru, modal saham terbitan dan berbayar Syarikat telah meningkat daripada RM195,943,500 pada 31 Mac, 2004 kepada RM204,278,500 pada 30 Mei, 2005.

Di samping itu, saya turut berasa bangga untuk memberitahu anda sekalian bahawa Takaful Ikhlas meneruskan usaha mengambil lebih 3,330 orang ejen dan menerbitkan lebih 40,000 polisi. Jawatankuasa Kerja Produk Takaful Ikhlas telah membangunkan dan memperkenalkan lebih 25 produk dan perkhidmatan dan merancang untuk melancarkan lebih banyak produk dalam tempoh beberapa tahun akan datang. Malah, Syarikat telah membuat persiapan untuk menyahtu pelbagai cabaran baru dalam perniagaan ini dengan penuh tanggungjawab dan minat.



PROFIT BEFORE TAXATION/KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI (RM'000)



PROSPECTS

The tightening of monetary policy by major economies to contain inflationary pressures amidst high oil prices is expected to decelerate the growth momentum of the global economy in 2005.

A slowing global economy in 2005 implies an easing of growth for Malaysia because the economy remains vulnerable to the global economic slowdown. However, driven by the strong momentum of the GDP growth exceeding 7% in 2004, the Malaysian economy is expected to grow moderately between 5% to 6% in 2005.

The 2001 BNM Financial Sector Master Plan has provided for some liberalization in the insurance industry, including lifting existing restrictions on employment of expatriate specialists, raising caps on foreign equity, and opening the reinsurance industry to foreign competition. Whilst the business environment for the Group will continue to be challenging due to the dynamic environment and new challenges for the insurance industry, we expect the Group's results for next year to be maintained.

DIRECTORSHIP

During the year, Y. Bhg. Tan Sri Dato' Abdul Rahman Bin Abdul Jalal retired after having served the Board for the past 14 years. In this respect, the Board of Directors would like to record our heart-felt appreciation to Y. Bhg. Tan Sri for the time and contribution to the Company. We wish him good health and happiness in his much-deserved retirement.

ACKNOWLEDGEMENTS & APPRECIATIONS

None of these achievements and accolades would have been possible without the commitment and drive of all our employees. I would like to thank each and every one of you for your dedication and passion to realize the Group's vision.

PROSPEK

Kawalan ketat dasar kewangan oleh beberapa negara utama yang bertujuan untuk mengawal tekanan inflasi ketika harga minyak dijangka akan terus melembabkan momentum pertumbuhan ekonomi global pada tahun 2005.

Kelembapan ekonomi global pada tahun 2005 menggambarkan pengurangan momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia kerana ekonomi kita kekal terdedah kepada kesan kelembapan ekonomi global. Walau bagaimanapun, didorong oleh keteguhan momentum pertumbuhan KDNK melebihi 7% pada tahun 2004, ekonomi Malaysia dijangka akan mampu mencatatkan pertumbuhan sederhana antara 5% hingga 6% pada tahun 2005.

Pelan Induk Sektor Kewangan BNM 2001 telah menyediakan liberalisasi dalam industri insurans, termasuk menarik semula sekatan ke atas penggajian pakar pegawai dagang, mengumpul dana modal untuk ekuiti asing dan membuka industri reinsurans kepada persaingan asing. Sungguhpun persekitaran perniagaan bagi Kumpulan akan terus mencabar berikutan persekitaran dinamik dan pelbagai cabaran baru yang timbul dalam industri insurans, namun kami menjangka bahawa keputusan Kumpulan pada tahun depan dapat dikekalkan.

LEMBAGA PENGARAH

Pada tahun ini, Y. Bhg. Tan Sri Dato' Abdul Rahman bin Abdul Jalal yang telah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah sejak 14 tahun lepas telah bersara. Saya bagi pihak Lembaga Pengarah dengan sukacitanya merakamkan ucapan penghargaan ikhlas dan setinggi terima kasih kepada Y. Bhg. Tan Sri atas sumbangan tidak ternilai dan nasihat berguna yang beliau sumbangkan kepada Syarikat. Kami juga berharap semoga beliau dikurniakan kesihatan yang baik dan kesejahteraan sepanjang tempoh persaraan beliau.

PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH

Semua pencapaian dan pengiktirafan ini tidak mungkin berjaya dicapai tanpa komitmen dan dorongan daripada semua kakitangan kita. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada anda semua atas dedikasi dan semangat untuk merealisasikan wawasan Kumpulan.

Our future will continue to be driven by the collective effort of everyone in MNRB Group. I wish to record my deepest appreciation for the exemplary contributions of the management and staff of MNRB throughout the year. I would also extend our appreciation and gratitude to Permodalan Nasional Berhad, all our shareholders and business partners, ceding companies and intermediaries, BNM and the local insurance associations for providing continued support and understanding to enable us to excel further in the coming year.

The support of our Board of Directors, the dedication of our Management team, and the hard work put in by our staff have made all the difference. I record my appreciation to all the Board members for their guidance, time and effort to the Board and also in the various Board committees. Clearly, MNRB is fortunate to have such committed individuals to serve on its Board.

The successes of 2005 would also not have been possible without the collaboration and cooperation of our valued clients, all our regulators, our professional colleagues and peers, and our business partners. We are grateful to our clients for the trust they place in us and to our shareholders for their continued support. Let us double our efforts in 2006 to build on our new strengths, improve our earnings and deliver superior and measurable shareholder value to all our shareholders, our customers and our people. We look forward to another year, with ambition and confidence. We thank you for your support, and look forward to renewing and building upon our relationship in the years to come.

Masa depan kita akan terus didorong oleh usaha kolektif semua pihak dalam Kumpulan MNRB. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih tulus ikhlas atas sumbangan cemerlang daripada pengurusan dan kakitangan MNRB pada sepanjang tahun ini. Saya juga ingin menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Permodalan Nasional Berhad, semua pemegang saham dan rakan-rakan dalam perniagaan, syarikat pengesid dan perantara, BNM dan persatuan insurans tempatan atas sokongan dan semangat saling memahami yang mereka berikan secara berterusan yang akan membolehkan kita mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada tahun akan datang.


Segala kejayaan ini adalah hasil sokongan Lembaga Pengarah, dedikasi pasukan Pengurusan dan kerja keras kakitangan kita. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan kepada rakan-rakan dalam Lembaga Pengarah atas nasihat, masa dan usaha tidak ternilai yang mereka berikan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan semasa berkhidmat dalam pelbagai jawatankuasa Lembaga Pengarah. MNRB sememangnya bernasib baik kerana mempunyai individu yang begitu komited dalam Lembaga Pengarahnya.

Kejayaan tahun 2005 tidak mungkin tercapai tanpa permuafakatan dan kerjasama pelanggan yang kami hargai, semua pihak penguatkuasa peraturan, rakan-rakan dan profesional dan rakan-rakan dalam perniagaan. Kami berterima kasih kepada pelanggan kami kerana telah memberikan kepercayaan kepada kami dan kepada para pemegang saham sekalian atas sokongan berterusan yang diberikan. Oleh sebab itu, marilah kita lipatgandakan usaha kita pada tahun 2006 untuk memperbaharui kekuatan azam dalam membina pertumbuhan kita, mempertingkatkan pendapatan kita dan menyampaikan nilai terunggul dan boleh diukur kepada semua pemegang saham, pelanggan dan kakitangan kita. Oleh itu, kita berharap dengan penuh yakin akan dapat mencatatkan satu lagi tahun memuaskan. Justeru, kami mengucapkan terima kasih atas sokongan anda sekalian dan berharap semoga kita akan dapat memperbaharui serta membina hubungan yang lebih erat lagi pada tahun-tahun akan datang.

On behalf of the Board/Bagi pihak Lembaga Pengarah

**Mohammad bin Abdullah**  
Chairman/Pengerusi

12 July/Julai, 2005



TOTAL NET DIVIDEND/JUMLAH BERSIH PEMBAYARAN DIVIDEN (RM'000)



NURTURING

long-term investor

confidence

Keyakinan pelabur jangka panjang



## Kewibawaan.

Ia merupakan nilai paling penting dalam membina reputasi sesebuah syarikat. Kini, ukur rujuk keyakinan pelabur bukan lagi berasaskan prestasi semata-mata. Ia semakin berasaskan pematuhan yang ketat kepada amalan tadbir urus korporat yang memuaskan bagi memastikan supaya semua prosedur, dasar dan keputusan dilaksanakan secara terbuka dan telus. Dengan bertindak secara berwibawa, kami telah, sejak dari mula lagi, dipercayai dan diyakini oleh para pemegang saham kami.

## Integrity.

It is an important value that is critical to a company's reputation. Today, the yardstick for investor confidence is no longer based on performance alone. Increasingly, it is based on a strict adherence to good corporate governance in ensuring that all procedures, policies and decisions are carried out in an open and transparent manner. By acting with integrity, we have, from day one, earned the trust and confidence of our shareholders.

